

£\$£i Parlimen
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN: 12 JULAI 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 54)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK

PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

U0\ 10

Pertanyaan	PEMBERITA HUAN PERTANYA AN DEWAN RAKYAT	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]	
Tarikh	12 Julai 2010 (Isnin)	
Soalan	No. 10	

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah program terkini yang dirancang bagi bekas penanam tembakau kerana sehingga kini ramai petani terlibat mengadu tidak praktikal untuk terlibat dalam penanaman kenaf.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan, melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), telah memperkenalkan projek integrasi bagi tanaman dan ternakan integrasi untuk bekas penanam tembakau yang tidak berminat dengan tanaman kenaf.

Pada tahun 2008, sejumlah RM5.7 juta telah dibelanjakan kepada projek integrasi pertanian berdasarkan tembakau yang melibatkan 1,095 peserta. Bagi tahun 2009 pula, sejumlah RM6.21 juta telah dibelanjakan yang melibatkan 1,106 peserta. Bagi tahun 2010, sejumlah RM2.49 juta telah diperuntukkan dan seramai 1,000 bekas penanam tembakau akan terlibat dalam program ini.

Di bawah program integrasi tanaman, antara jenis-jenis tanaman yang terlibat adalah jagung, tembikai susu, cili dan keledek manakala bagi integrasi ternakan ia meliputi ternakan kambing, lembu, ayam dan itik serta akuakultur. Mulai tahun 2009, LKTN juga melaksanakan projek integrasi tanaman secara sistem fertigasi melibatkan tanaman cili, *tomato cherry* dan timun.

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN TENG BOON SOON[TEBRAU]

TARIKH

12 JULAI 2010(ISNIN)

SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan strategi dan usaha terkini untuk menggerakkan lebih ramai rakyat menghayati keikhlasan dan keazaman Perdana Menteri untuk menjelmakan konsep 1 Malaysia dalam pentadbiran Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melaksanakan siri program penerangan dalam pelbagai bentuk dan medium mengenai Gagasan 1 Malaysia kepada masyarakat umum khususnya golongan sasar yang telah dikenal pasti. Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Hal

Ehwal Khas (JASA) dan semua agensi Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan terlibat secara langsung menjayakan program-program berkaitan 1 Malaysia.

Kementerian melalui RTM pula, mengutamakan dan menekankan Gagasan 1 Malaysia dalam setiap rancangan yang diterbitkan. Nilai-nilai 1 Malaysia diterapkan secara langsung atau tidak langsung melalui rancangan Radio dan TV. Antara langkah yang dilaksanakan ialah penyediaan slot tertentu dalam Selamat Pagi Malaysia, rancangan bicarawara dan beberapa rancangan lain yang menyokong konsep 1 Malaysia. RTM juga menyajikan rancangan yang memaparkan penyertaan pelbagai kaum, yang menggambarkan perpaduan dan persefahaman masyarakat majmuk.

Jabatan Filem Negara Malaysia (FNM) pula menerbitkan dokumentari serta treler berkaitan Gagasan 1 Malaysia untuk siaran televisyen dan sumber-sumber lain seperti sistem pengangkutan awam dan di papan-papan elektronik. Sehingga Mei 2010, FNM telah menerbitkan 3 buah dokumentari dan 14 buah treler.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

SOALAN NO.: 12

TARIKH 12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) bilakah kawasan jalan runtuh yang amat bahaya sejak Januari 2009 di Kampung Sungai Pas, Kuala Krai akan dibaiki; dan
- (b) punca kelewatan pembaikan jalan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan sememangnya mengambil maklum mengenai kejadian runtuhan cerun di beberapa lokasi di sepanjang Jalan Negeri D227 dari Sungai Sak ke Chuchuh Puteri, Kuala Krai, khususnya di KM.4.4 dan KM. 18 laluan tersebut. Sehubungan itu, memandangkan jalan ini adalah di bawah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Kelantan, JKR Negeri telah pun mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan MARRIS dari Pejabat Kewangan Negeri Kelantan. Sehingga kini, Kementerian Kerja Raya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM 100,000 untuk membaiki kegagalan cerun di KM.4.4 sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Kejayaan Raya bersedia membantu Kerajaan Negeri jika terdapat keperluan yang begitu mendesak, umpamanya kes terputus jalan perhubungan akibat kejadian bencana banjir.

Sekian, terima kasih.

12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN (13)

Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG)
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
SOALAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN NONGLISHAI KING (LANANG) minta MENTERI PERUAAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan memandangkan kawasan perumahan Sibu Jaya yang terletak kira-kira 30km daripada bandar Sibu telah mencapai penduduk seramai 20,000 orang, bilakah Kerajaan akan merancang DARIPADA untuk membina sebuah balai bomba di sini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyedari perlunya sebuah balai bomba di kawasan Sibu Jaya bagi memberikan perkhidmatan kebombaan kepada masyarakat setempat. Sehubungan itu, kajian terperinci berhubung keperluan sebenar sebuah balai bomba di kawasan tersebut akan dilaksanakan dengan mengambilkira faktor kepesatan pembangunan serta kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut

- a) Indikator risiko bagi kawasan tersebut seperti kepadatan penduduk, perindustrian dan perdagangan;
- b) Keluasan kawasan jagaan bagi sebuah balai bomba;
- c) Faktor keadaan geografi; dan

d) Keperluan strategik Kementerian juga akan mengenal pasti sebuah tapak milik Kerajaan Negeri (seluas 3 ekar) yang telah dirizabkan bagi tujuan pembinaan balai bomba di kawasan Sibu Jaya dan sekiranya bersesuaian Kementerian akan membuat permohonan pemberimilikan. Permohonan pembinaan balai bomba di Sibu Jaya akan dimajukan dalam cadangan pembangunan yang akan datang apabila segala urusan pemberimilikan tanah telah selesai.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Julai 2010

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
	(SIK)
TARIKH	12.07.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam perkhidmatan pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran banyak terdapat anomali, ketidakpuasan hati dalam kenaikan pangkat dan tangga gaji. Apakah langkah-langkah di ambil Kementerian Pelajaran untuk mengatasi perkara ini atau adakah Kementerian berhasrat menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Urusan kenaikan pangkat dan tangga gaji Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 2002** dan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007**, berhubung dengan penetapan dan pelarasan gaji. Manakala kenaikan pangkat pula kaedah pelaksanaannya telah pun ditetapkan oleh Kerajaan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 tahun 2007**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai penjawat awam, PPP di KPM juga adalah tertakluk kepada peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada semua skim di dalam perkhidmatan awam melalui pekeliling dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, pihak Kementerian telah pun memastikan

semua Jabatan yang terlibat melaksanakan urusan ini berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan tersebut melalui penerangan di dalam siri taklimat dan pemantauan terhadap urusan gaji PPP di JPN dan PPD.

Namun, sekiranya terdapat PPP yang tidak berpuashati, mereka hendaklah mengemukakannya ke Kementerian ini melalui Ketua Jabatan masing-masing agar isu tersebut boleh disemak, diatasi dan diberi cadangan penyelesaiannya berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, KPM pada masa ini tidak berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja.

Rjm 91

SOALAN (15)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

12 JULAI2010 (ENIN)

DARIPADA

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

(PADANG BESAR)

SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan memandangkan tapak Pelupusan Sampah Bukit Tagar adalah milik syarikat swasta, bolehkah Kerajaan memperincikan butiran perbelanjaan modal yang dihulurkan sejak ianya mula berfungsi dan berapakah bayaran belanja operasi yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Tempatan pada setiap tahun sejak ianya diwujudkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Tagar yang telah mula beroperasi dengan "*advance cell*" pada April 2005 adalah milik Kerajaan Persekutuan. Ia dikendalikan oleh KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd. atas kaedah penswastaan. Tapak pelupusan ini mempunyai kapasiti untuk menampung 120 juta tan metrik sisa pepejal dan mampu bertahan untuk tempoh lebih daripada 40 tahun. Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan kewangan untuk membina tapak pelupusan tersebut (CAPEX) manakala pihak KUB Berjaya menggunakan yuran "*tipping*" yang diterima daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Selayang untuk menampung kos operasi dan penyelenggaraan.

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan RM20.8 juta bagi pembinaan "advance cell" dan RM181.26 juta bagi pembinaan sel di fasa 1 termasuk infrastruktur seperti jalan dan persimpangan bertingkat. Jumlah sisa pepejal yang diterima pada ketika ini daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Selayang dianggarkan sebanyak 2,300 tan sehari. Yuran "tipping" yang dikenakan adalah sebanyak RM26.80 setan bagi operasi di *advance cell* dan RM28.80 setan bagi operasi di sel fasa 1. Pihak KUB Berjaya akan menampung pembinaan sel-sel berikutnya di mana Kerajaan tidak lagi akan mengeluarkan apa-apa perbelanjaan.

Kementerian
Perumahan Dan
Kerajaan Tempatan

Julai 2010

No: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTA
NYAAN
DARI PAD A** **BAGI JAWAB LISAN**
TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH **12 JULAI 2010 (ISNIN)**

SOALAN **16**

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan semua syarikat penerbangan yang beroperasi di Sarawak dan sama ada Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan dasar udara/ruang terbuka (open air/space policy) di Sarawak.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, sebanyak 7 buah syarikat penerbangan beroperasi di Sarawak. Syarikat-syarikat tersebut adalah Royal Brunei Airlines (Brunei), Silk Air (Singapura), Tiger Airways (Singapura), Batavia Air (Indonesia), MAS, AirAsia dan MASwings.

Pada masa sekarang, Malaysia mengamalkan dasar udara liberal bagi semua lapangan terbang di Malaysia termasuk di Sarawak.

SOALAN NO : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD [MUKAH]**

TARIKH

12 JULAI 2010

SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah penyakit batuk kering (*tuberculosis*) meningkat di kalangan rakyat Malaysia dan huraikan kes-kes pada tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kadar kejadian penyakit *tuberculosis* atau TB merupakan penyakit berjangkit kedua tertinggi di Malaysia selepas denggi dan adalah penyebab utama kematian akibat penyakit berjangkit.

Pada 2008, sejumlah 17,506 kes telah dilaporkan dengan kadar notifikasi 63 kes setiap 100,000 penduduk. Manakala itu, pada tahun 2009 pula, bilangan kes dilaporkan adalah 18,102 dengan kadar notifikasi 64 kes setiap 100,000 penduduk. Angka ini merupakan peningkatan pengesanan kes 3.4% berbanding dengan tahun 2008.

Negeri Sabah merupakan negeri mencatatkan kadar notifikasi penyakit TB (semua jenis) tertinggi dan melebihi paras 100 kes setiap 100,000 penduduk iaitu 110. Peratusan kejadian penyakit tuberculosis ini lebih tinggi di kalangan lelaki berbanding wanita dengan nisbah 2 : 1 , iaitu 2 kes di kalangan lelaki bagi setiap satu kes di kalangan wanita. Majoriti kes (60%) dilaporkan adalah di kalangan dewasa dalam lingkungan umur 25 - 54 tahun. Lebih kurang 12.6% daripada kes TB yang dinotifikasikan ini adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia, dan warganegara Filipina dan Indonesia merupakan adalah penyumbang utama kes TB di kalangan warga asing (masing-masing menyumbang 36%).

Berdasarkan pemantauan, juga menunjukkan lebih kurang 10% daripada mereka yang mengidap penyakit TB ini juga merupakan mereka yang HIV positif.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah menetapkan dibawah *Mellinium Development Goal (MDG)* supaya kadar kejadian penyakit TB hendaklah diturunkan separuh (*half*) pada tahun 2015 berbanding dengan kadar kejadian pada tahun 1990. Bagi Malaysia, sasaran MDG adalah 31 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang akhir tahun 2015 berbanding dengan 61 kes bagi setiap penduduk pada tahun 1990. Oleh itu, Malaysia masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Berdasarkan kadar kejadian penyakit TB pada pada tahun 2009 iaitu 64 kes bagi setiap 100,000 penduduk, Malaysia dikategori sebagai *intermediate Burden country*, iaitu negera yang melaporkan bilangan kes TB, kurang 100 kes setiap 100,000 penduduk.

Peningkatan kes TB yang dilaporkan boleh dikaitkan dengan pertambahan penduduk dan peningkatan aktiviti kawalan dan pencegahan yang dilakukan. Ini boleh ditunjukkan melalui pertambahan bilangan kemudahan kesihatan yang boleh membuat diagnosa dan seterusnya memulakan rawatan TB. Dalam tahun 2008 tedapat sebanyak 130 buah hospital kerajaan dan 802 buah klinik kesihatan beroperasi di mana pesakit boleh mendapatkan pemeriksaan dan rawatan penyakit TB. Terdapat sebanyak 703 (pertambahan sebanyak 7%) buah pusat mikroskopi di seluruh negara yang boleh membuat diagnosa penyakit TB. Terdapat pertambahan 10%-

15% bilangan slaid *Sputum Acid Fast Bacilli (AFB)* yang diperiksa.

Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Kementerian Kesihatan sendiri, Kementerian Kesihatan komited untuk memperkuuhkan program kawalan di pelbagai peringkat fasiliti kesihatan di seluruh negara. Satu Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan TB telah dibentuk bagi memastikan pencegahan dan kawalan penyakit TB dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berdasarkan enam strategi berikut;

- i) Memperkuuhkan komponen sistem perkhidmatan kesihatan
- ii) Mempertingkatkan sistem pengesanan kes
- iii) Menyediakan pengurusan kawalan TB berkualiti tinggi
- iv) Memperkasakan komuniti dalam pencegahan dan kawalan penyakit
- v) Pencegahan penularan jangkitan TB kepada masyarakat
- vi) Mempromosi penyelidikan penyakit TB

Sokongan daripada masyarakat akan dapat memperkuuhkan lagi usaha pihak kementerian di dalam menjayakan mengawal kejadian penyakit ini. Kementerian menyeru kepada semua ahli Jemaah Menteri dan ahli Parlimen di sini agar mengambil peranan masing-masing membantu kerajaan memerangi penyakit tuberculosis atau TB ini.

Soalan No : 18

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)
DARIPADA 12.07.2010

TARIKH

SOALAN: Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan murid dan bilik darjah kosong dan digunakan dalam setiap SK, SKJC dan SJKT masing-masing di Kuala Lumpur dan berapakah jumlah SK, SKJC dan SJKT di Kuala Lumpur, bilangan guru terlatih dan murid di setiap aliran dan purata bilangan murid setiap darjah serta nisbah guru dan murid di setiap aliran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan sekolah, kelas dan murid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Bilangan Kelas	Bilangan Murid	Bilangan Guru Terlatih
SK	141	2,874	85,627	6,736
SJKC	41	1,277	49,082	2,228
SJKT	15	143	3,784	293
JUMLAH	197	4,294	138,493	9,257

Rjm 92

No: 19

DARI PAD A	PEMBE RITAHU PERTAN YAAN	DATUK BILLY ABIT JOO (HULU RAJANG)
PERTANYAAN	DEWAN RAKYAT	KISAN
TARIKH	T, MALAY	12.07.2010
SOALAN NO	SIA	19

Datuk Billy Abit Joo (Hulu Rajang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah *impoundment* di Bakun dijalankan dan apakah kesannya terhadap kawasan-kawasan dan Sungai Rajang di hiiir Empangan Bakun itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *impoundment* akan dilaksanakan setelah kelulusan Kerajaan Sarawak diperolehi. Dari segi teknikalnya empangan bagi Projek Hidroelektrik Bakun (Bakun) telah bersedia memulakan *impoundment*.

2. Apabila takungan air Empangan Bakun bermula, perjalanan bot ekspres dari Kapit ke hulu Batang Rajang akan terjejas sedikit terutamanya di musim kemarau. Walau bagaimanapun, bot-bot laju

bersaiz kecil dan bot panjang kayu yang digunakan oleh kebanyakan penduduk Batang Rajang masih boleh menggunakan laluan melalui Batang Rajang ini semasa takungan dijalankan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan rekod bagi tahun 2009, bot ekspres dari Kapit ke Belaga tidak beroperasi selama empat (4) bulan kerana musim kemarau.

3. Semasa *impoundment* dijalankan, Empangan Bakun akan sentiasa melepaskan air sungai dengan kadar maksima sejumlah 260 m^3 atau 260,000 liter sesaat. Aliran air sungai tersebut akan bertambah ke 400 m^3 dalam jangka masa lima (5) hingga enam (6) bulan apabila paras takungan mencapai aras 195m, iaitu paras takungan yang diperlukan untuk memulakan tugas sebuah turbin. Walau bagaimanapun, kadar aliran sungai dari Belaga ke Kapit adalah lebih tinggi memandangkan terdapat dua (2) anak sungai besar memasuki Batang Balui iaitu Sg Belaga dan Sg Baleh.

No: 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	12.07.2010
SOALAN NO	20

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah tindakan Kerajaan terhadap majikan yang memotong caruman KWSP ke atas gaji pekerja tetapi tidak dimasukkan ke simpanan pekerja walaupun aduan telah dibuat melalui nombor rujukan 02352883.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP sentiasa prihatin dalam melindungi dan membela kepentingan hak pekerja dengan memastikan semua majikan menunaikan tanggungjawab mereka untuk membayar caruman KWSP bagi upah yang diterima oleh semua pekerjanya. Bayaran caruman KWSP ini adalah selaras dengan kadar berkanun seperitimana yang terkandung dalam Jadual Ke 3 Akta KWSP 1991.

2. Bagi menangani mana-mana majikan yang ingkar atau yang gagal membayar caruman dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan undang-undang akan diambil melalui proses pendakwaan atas kesalahan yang dilakukan sepetimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 43(2) Akta KWSP 1991. Di samping itu, tindakan guaman civil juga akan diambil sehingga ke peringkat kebankrapan dan larangan ke luar negara terhadap pengarah-pengarah syarikat secara individu bagi mendapatkan caruman yang terhutang oleh majikan.
3. Berasaskan maklumat yang diketengahkan, kes yang dimaksudkan adalah aduan terhadap majikan Aseania Travel & Tours Sdn. Bhd. yang beralamat di No 214, Metro Building, Jalan Negara Dua, 53100 Kuala Lumpur. Pihak KWSP telah menjalankan siasatan terhadap majikan berkaitan dan mendapati majikan tersebut telah gagal membayar caruman KWSP bagi pihak 37 orang pekerjaanya bagi tempoh September 1998 hingga September 2001. Tunggakan caruman berjumlah RM155,281 telah ditaksirkan dan tindakan undang-undang telah diambil terhadap majikan tersebut setelah didapati gagal menjelaskan jumlah yang tertunggak.
4. Di dalam kes Aseania Travel & Tours Sdn. Bhd., penghakiman telah diperolehi terhadap syarikat serta pengarah-pengarahnnya secara individu dan seterusnya, tindakan kebankrapan dan larangan ke luar negara sedang diambil terhadap mereka dalam usaha untuk mendapatkan jumlah caruman KWSP yang terhutang.

SOALAN NO: 21

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 12 JULAI 2010

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:

- (a) rancangan Kementerian mengatasi masalah serangan gajah liar di kawasan Lenggong dan Hulu Perak khasnya; dan
- (b) apakah Kementerian mempunyai perancangan mewujudkan kawasan khas penempatan gajah selain sebagai produk pelancongan di Hulu Perak dan selain pembinaan pagar sekarang, adakah Kementerian akan menyambung pembinaannya daripada Kg. Tawai ke Hutan Belum, Hulu Perak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa prihatin terhadap masalah gangguan hidupan liar seperti gajah, terutamanya yang melibatkan kerosakan tanaman pertanian. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah membuat perancangan dan sedang mengambil tindakan bagi mengatasi masalah gangguan gajah di kawasan Lenggong, Hulu Perak. Antara tindakan yang diambil ialah:

i. Menjalankan operasi menangkap dan memindahkan gajah:

Pihak Jabatan PERHILITAN mempunyai perancangan untuk menangkap dan memindahkan sebanyak 26 ekor gajah yang bermasalah di kawasan Hulu Perak dalam tempoh 2010 hingga 2015. Dalam tahun ini, sebanyak 3 ekor gajah liar telah berjaya ditangkap dan dipindahkan di kawasan Hulu Perak.

ii. Menjalankan pemantauan dan penyelenggaraan pagar elektrik gajah:

Pihak Jabatan PERHILITAN sedang membina pagar elektrik sepanjang

34.705 kilometer yang merangkumi kawasan Kg. Bukit Sapi hingga ke Kg. Batu Reng, Lenggong. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam bulan November 2010 ini. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan telah memohon peruntukan khusus dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi program pemantauan dan penyelenggaraan pagar elektrik berkenaan.

iii. **Meningkatkan aktiviti kawalan dan pemantauan populasi gajah bermasalah:**

Pihak Jabatan PERHILITAN juga akan mempertingkatkan aktiviti kawalan, tembak halau serta pemantauan yang berkala di kawasan-kawasan yang sering mengalami masalah gangguan gajah. Dengan adanya pagar elektrik Kg. Bukit Sapi - Kg. Batu Reng, tumpuan yang lebih akan dapat diberikan di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan pagar elektrik gajah.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pihak Kementerian tidak berhasrat mewujudkan kawasan khas bagi penempatan gajah untuk tujuan pelancongan di Hulu Perak. Pihak Kementerian menyambut baik dan menyokong penuh jika adanya cadangan pihak Kerajaan Negeri untuk mewujudkan kawasan khas bagi penempatan gajah-gajah liar yang menimbulkan masalah di negeri Perak. Kawasan penempatan ini dalam masa yang sama boleh dibangunkan untuk tujuan tarikan pelancongan.

Jabatan PERHILITAN tidak berhasrat untuk membina pagar elektrik dari Kg. Tawai hingga ke Hutan Simpan Belum. Ini adalah kerana kawasan gangguan gajah di kawasan yang berkenaan buat masa ini masih boleh diatasi dengan kaedah-kaedah pengawalan sedia ada yang dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)
TARIKH	12.07.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) Jumlah aduan yang diterima terhadap guru daripada pelajar dan ibu bapa sejak tahun 2005; dan
- (b) Sila senaraikan jenis aduan dan kesalahan yang diterima mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Jumlah aduan berhubung dengan pengurusan pentadbir dan guru yang diterima oleh Jabatan Pelajaran Negeri seluruh negara dari tahun 2007 hingga Mei 2010 adalah sebanyak **5,512 aduan**.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis aduan dan kesalahan yang banyak diterima adalah seperti berikut;
 - Pengurusan pentadbir
 - Pengurusan kewangan
 - Komunikasi pentadbiran
 - Pengajaran dan pembelajaran guru
 - Tingkah laku negatif guru

Kesihatan dan kebajikan
Ketidakcekapan

Soalan No : 23

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)
TARIKH	12.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat mewujudkan kuota bagi pengambilan guru lelaki agar masalah kekurangan guru lelaki sebagai tenaga pengajar dapat diatasi di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan garis panduan pemilihan calon-calon Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) adalah berasaskan nisbah 50:50 di mana kadar 50 peratus calon lelaki dan 50 peratus calon perempuan. Ini jelas menunjukkan bahawa perkadaran antara calon lelaki dan calon perempuan adalah seimbang. Oleh itu, KPM optimis bahawa strategi tersebut akan dapat menangani kekurangan guru lelaki yang semakin kriktikal.

No. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DERWAN RAKYAT**

PERTANAYAN	LISAN
DARIPADA	Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
TARIKH	12 JULAI 2010 (ISNIN)
SOALAN	Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA
MENTERI	menyatakan perkembangan dan pencapaian NKRA kepada rakyat sehingga kini. Berapakah kos yang telah dibelanjakan di dalam program pembangunan NKRA dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan.
JAWAPAN : (oleh YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)	

Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program* (GTP) menumpukan kepada pengurusan prestasi dan pembaharuan jentera kerajaan untuk merealisasikan komitmen kerajaan supaya "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," mengikut Gagasan 1 Malaysia. Di bawah GTP, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah dikenalpasti mengikut hasrat dan keperluan rakyat dan giat dilaksanakan sejak GTP dilancarkan pada Januari yang lalu.

Hasil awalan yang nyata dan menggalakkan telah ditunjukkan dari pelaksanaan setiap NKRA dalam suku tahun pertama (Q1) tahun ini berbanding dengan Q1 tahun lepas (2009). Di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah, kadar jenayah indeks telah menurun 15 peratus dan kadar jenayah jalanan yang merangkumi ragut dan rompakan menurun hampir 40 peratus, hasil daripada penugasan semula (*redeployment*) 14,000 anggota polis dan mobilisasi 3,000 anggota RELA untuk meningkatkan rondaan dan tindakan mencegah jenayah dalam 50 kawasan tumpuan atau "*hotspots*."

Untuk NKRA Membanteras Rasuah, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat telah diluluskan oleh Parlimen. Laman Web *MyProcurement* telah mulai mempamerkan penganugerahan kontrak-kontrak oleh kerajaan secara telus dan terbuka. *Integrity Pact* oleh Transparency International juga sudah bermula diterimapakai dalam kontrak-kontrak kerajaan.

Untuk NKRA Meningkatkan Pendidikan, fokus utama ialah pendidikan pra-sekolah, di mana sebanyak 1,062 buah kelas baru telah bermula pada Q1, yang memberi manfaat kepada 25,000 kanak-kanak. *School Improvement Toolkit* telah diperkenalkan kepada kesemuanya 7,616 buah sekolah rendah pelbagai aliran yang telah dinilai mengikut *ranking*, supaya memberi tumpuan dan panduan untuk mempertingkatkan prestasi pelajar.

1

Pencapaian NKRA meningkatkan Pengangkutan Awam Bandar dalam Lembah Klang pada Q1, 2010 termasuk penggunaan empat (4) lebuhraya yang kurang sesak sebagai laluan BET (*Bus Expressway Transit*) yang telah mengurangkan tempoh perjalanan dan meningkatkan bilangan pengguna bas sebanyak 13 peratus, serta penambahan lapan (8) keretapi LRT empat (4) gerabak yang telah menghasilkan penambahan hampir sejuta penumpang.

Pencapaian NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar setakat Q1, 2010 termasuklah lebih 400 km jalan siap dibina dan hampir 350 km dalam pembinaan, berbanding dengan sasaran 2,400 km bagi penghujung 2012; pembinaan dan pembaikpulihan 16,000 rumah dalam proses pelaksanaan, penyampaian bekalan elektrik kepada 25,000 isirumah dalam pelaksanaan, berbanding dengan sasaran 50,000 isirumah. Hampir 900 isirumah telah diberi bekalan air, manakala 11 projek rawatan air kini dalam pelaksanaan akan memanfaatkan lebih 3800 isirumah.

Di bawah NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah, kadar miskin tegar telah dikurangkan 30 peratus iaitu sebanyak 12,000 isirumah dalam Q1, 2010. Di samping itu, ketua isirumah miskin tegar digalakkan untuk menyertai salah satu (1) daripada empat (4) projek 1Azam, ("Akhir Zaman Miskin") iaitu, Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat.

Pada amnya, pelaksanaan GTP bersama-sama dengan Pakej Perangsang Ekonomi dan beberapa langkah yang lain setakat ini telah berjaya meningkatkan kecekapan jentera kerajaan, memulih keyakinan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi Negara. Hasilnya, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatat 10.1 peratus bagi Q1, iaitu yang paling tinggi sekali dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Pelaksanaan GTP juga dianggap telah menyumbang terhadap lonjakan kedudukan Malaysia dalam daya saing sedunia, dari tangga 18 pada Jun tahun lepas ke tangga 10 pada tahun ini, mengikut *World Competitiveness Yearbook (WCY)* 2010.

Seperti yang pernah dilaporkan dalam Dewan Rakyat, 8 makmal telah diadakan secara intensif selama 6 minggu pada bulan Oktober-November, 2009 yang melibatkan 250 peserta sektor awam dan swasta untuk menghasilkan pelan-pelan penyampaian (delivery plans) secara teliti untuk 6 NKRA, pengurusan data dan usaha promosi 1 Malaysia.

Kos logistik dan pentadbiran, termasuk sewaan bilik-bilik mesyuarat, penginapan, makanan dan pengangkutan bagi 8 makmal adalah hampir RM 630,000.00. Di samping itu, sekumpulan pakarunding (3-6 orang) dilantik bagi setiap makmal untuk membuat persiapan awal mengenai rangka kerja tajuk-tajuk pengurusan prestasi yang relevan, memandu perbincangan, membuat rumusan setiap hari, menyediakan bahan-bahan multi-media dan sebagainya. Kos bagi setiap kumpulan pakarunding adalah di lingkungan RM 300,000.00 hingga RM 900,000.00 bagi kerja selama 2 hingga 3 bulan, dengan jumlahnya di lingkungan RM6.5 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

[SETIAWANGSA - BN]

TARIKH

12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI BELIA DAN**

SUKAN menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk melahirkan lebih ramai belia-belia yang berinovatif di negara ini agar mereka dapat bersaing di dunia serba moden ini.

JAWAPAN

1. Bagi melahirkan lebih ramai belia-belia yang berinovatif, Kementerian Belia dan Sukan telah bekerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat secara langsung di dalam bidang kreatif dan inovatif seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Art And Designs Alliance Malaysia (ADAM) dan Information Technology Youth Movement (ITYM). Melalui NGO seperti ini, beberapa aktiviti kreatif dan inovatif dapat dianjurkan bersama bagi menyerlahkan bakat serta kebolehan golongan belia dalam bidang tersebut. Antara program yang telah dilaksanakan sempena Tahun Kreatif dan Inovatif 2010 adalah merangkumi aktiviti-aktiviti seni kreatif kontemporari, pembangunan teknologi maklumat (IT) untuk belia-belia di luar bandar serta aktiviti pengumpulan idea-idea kreatif golongan belia.

2. Selain itu, Kementerian turut menganjurkan program Cabaran Inovasi dan Kreativiti Rakan Muda IPT sempena Hari Belia Negara 2010 yang lalu dan disertai oleh 38 buah IPTA dan juga IPTS; serta Menganjurkan pertandingan

SULIT |

SULIT

inovasi antara Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) pada setiap tahun.

3. Diharap dengan usaha oleh pihak Kementerian ini akan dapat menyumbang ke arah melahirkan lebih ramai belia-belia yang berinovatif seterusnya dapat bersaing di dunia serba moden, selaras dengan hasrat pucuk pimpinan negara.

NO. AUM : 35

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[BATU KAWAN]

TARIKH 12 JULAI 2010

RUJUKAN 2812

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah repot polis yang dilaporkan terhadap akhbar Utusan Malaysia yang didakwa menyiarkan artikel-artikel berbaur hasutan dan perkauman serta apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dan polis terhadap akhbar Utusan Malaysia dalam masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Sejumlah empat (4) laporan polis telah dibuat terhadap akhbar Utusan Malaysia oleh individu-individu tertentu kerana didakwa menyiaran artikel-artikel berbaur hasutan dan perkauman. Berikutan daripada laporan polis berkenaan, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka 3 kertas siasatan dan membuat penyiasatan mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Asutan. Penyiasatan terhadap satu lagi laporan juga dilakukan dan ianya diklasifikasikan sebagai 'Rujuk Kepada Majistret'. Pihak PDRM akan meneruskan pemantauan ke atas elemen-elemen berunsur hasutan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian juga telah mengambil tindakan terhadap akhbar *Mingguan Malaysia* dengan mengeluarkan surat teguran bertarikh 21 Oktober 2008 kerana menyiaran artikel bertajuk *Politik Baru YB J* yang menyalahi Garis Panduan Penerbitan Kementerian dan yang dikhuatiri boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keharmonian kaum.

Ho:zf

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA : Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]

TARIKH 12 Julai 2010 (Isnin)

SOALAN 27

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI PENGANGKUTAN

menyatakan keadaan sebenar unjuran sara hidup yang tinggi (*high cost of living*) di Sabah, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengimbangkan harga-harga barang keperluan harian dan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menghapuskan “*cabotage policy* serta membebaskan pengangkutan kapal laut negara lain “*open sea policy* yang berlabuh di negara kita termasuk di Sabah.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Kabotaj yang dikuatkuasakan pada 1980 bertujuan untuk membangunkan pemilikan dan perkembangan syarikat-syarikat perkapalan milik warganegara Malaysia termasuk syarikat-syarikat perkapalan Sabah dan Sarawak. Dasar ini menetapkan bahawa pengangkutan kargo dan penumpang di dalam perairan Malaysia adalah terhad kepada kapal-kapal daftaran Malaysia sahaja.

Dasar Kabotaj yang diamalkan di Malaysia adalah lebih liberal jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Jepun dan Amerika Syarikat yang menguatkuasakan sepenuhnya dasar berkenaan. Di negara-negara tersebut, kapal-kapal daftaran asing langsung tidak dibenarkan beroperasi.

Dasar Kaboutaj ini sebenarnya tidak menyekat mana-mana kapal asing untuk beroperasi secara terus ke/dari mana-mana pelabuhan Malaysia terutama pelabuhan Sabah dan Sarawak, ke pelabuhan asing.

Tetapi memandangkan kebanyakan kapal pengangkut adalah merupakan kapal berkapasiti kuantiti tinggi atau '*mother ship*' maka kebanyakan kapal asing menuju ke pelabuhan utama negara sahaja seperti ke Port Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di mana jumlah '*container transhipment*' import-export adalah lebih banyak dan perkhidmatan ke tempat-tempat lain adalah digunakan melalui perkhidmatan *transhipment* kargo yang bersaiz lebih kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Secara umumnya Pelabuhan Sabah dan Sarawak hanya mengendalikan '*input container*' yang banyak berbanding '*export container*' yang jauh lebih sedikit dan menjadikan syarikat *shipping operators* yang mengendalikan *mother ship* ini kurang tertarik untuk belayar terus ke pelabuhan-pelabuhan tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu kapal-kapal Singapura dan Hong Kong sememangnya bebas mengadakan perkhidmatan secara terus ke/dari Pelabuhan Sepanggardi Kota Kinabalu dan Pelabuhan Bintulu di Sarawak. Sebenarnya, apa yang wujud sekarang adalah '*limited cabotage policy*' iaitu walaupun kapal-kapal milik warganegara Malaysia mendapat keutamaan melaksanakan khidmat *transhipment* domestik (atau keutamaan melaksanakan perkhidmatan bagi mengangkut kargo dan penumpang di dalam perairan Malaysia) tetapi kapal-kapal asing juga dibenarkan beroperasi melalui pengeluaran lesen perkapalan dalam negeri kepada syarikat asing bagi memenuhi permintaan kerja yang tidak dapat dipenuhi oleh syarikat perkapalan tempatan.

Dasar insentif syarikat perkapalan tempatan ini masih diperlukan bagi menolong membangunkan syarikat perkapalan tempatan kerana sebelum ini negara amat bergantung dengan perkhidmatan perkapalan asing secara total dan menyebabkan pengaliran wang asing yang begitu banyak akibat defisit ketara dalam '*invisible trade*' negara kita. Dasar ini turut dilaksanakan di kebanyakan negara asing, malah negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat mengenakan sekatan sepenuhnya.

Oleh itu, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa kenaikan '*cost of living*' di Sabah dan Sarawak adalah semata-mata berpunca dari sebab ini kerana ada banyak

punca-punca lain seperti ketidakcekapan perkhidmatan pemunggahan, kos '*ground transportation*' yang tinggi akibat kekurangan '*economic of scale*' dan mungkin juga ada amalan *profiteering* di kalangan pengedar dan penjual barang tempatan.

NO: 28

DARIPADA	PEMBE RITAHU PERTAN TUAHAI HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR (KETEREH) DEWAR
PERTANYAAN	RAKYAT LISA N MALAY SIA
TARIKH	12.07.2010
SOALAN NO	28

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (Ketereh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- a) apakah alasan sebenar-benarnya Kerajaan meluluskan lesen judi bola sepak; dan
- b) bukankah Kerajaan mempunyai statistik yang terperinci berkaitan dengan kesan sosial akibat gejala judi. Nyatakan kesan tersebut berserta statistiknya sekali.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, Kerajaan dengan muktamad memutuskan tidak akan mengeluarkan lesen *Sports Betting* kepada Ascot Sports Sdn Bhd seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri/ Menteri Kewangan pada 25 Jun 2010 dan sekali lagi ditegaskan oleh YB Menteri Kewangan II dalam sesi ucapan penggulungan Kementerian Kewangan bagi perbahasan RMK-10 di Dewan Parlimen pada 29hb Jun 2010.

SULIT

No: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

[MARAN - BN]

TARIKH **12 JULAI 2010 (ISNIN)**

SOALAN NO.29

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berikutnya kekurangan kemudahan infrastruktur bagi kegiatan sukan bola sepak kepada kalangan belia luar bandar khususnya di kampung tradisional yang berlaku ketika ini boleh menyebabkan kalangan belia terjebak ke dalam kegiatan kurang sihat. Apakah perancangan Kementerian yang sedang disusun dalam mengatasi kekurangan yang berlaku.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan kemudahan padang bola sepak adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini dan ia disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri.
2. Namun begitu, memandangkan terdapat kegemaran anak-anak muda terhadap sukan futsal, Kementerian Belia dan Sukan telah memberikan tumpuan kepada pembinaan Gelanggang Sukan Pelbagai Guna di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mana turut mempunyai kemudahan gelanggang futsal.

SULIT

Setiap DUN ini diperuntukkan dengan 2 buah gelanggang untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat.

3. Sehubungan itu, adalah diharapkan usaha ini akan dapat menyumbang ke arah pengisian masa senggang dengan aktiviti yang sihat dan berfaedah di kalangan belia.

tfD'-ZO

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB. TUAN LIM GUAN ENG BAGAN

KAWASAN 12.07.2010 (Isnin)

TARIKH NO. 30

SOALAN

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG minta MENTERI

PERDAGANGAN ANT ARAB ANGSA DAN INDUSTRI

menyatakan program dan langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai tapak industri meliputi bidang-bidang LED, bioteknologi, *avionics* dan solar berbanding negeri-negeri lain.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha-usaha untuk menarik pelaburan ke Malaysia termasuk ke negeri Pulau Pinang terutamanya dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, nilai tambah yang tinggi serta berintensif pengetahuan dan modal sepetimana yang telah dikenal pasti dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Ini termasuk industri-industri yang dikenalpasti sebagai bidang pertumbuhan baru seperti industri solar, *advanced electronics*, bioteknologi, aero angkasa dan sebagainya.

Antara projek perkilangan utama yang berintensif modal yang telah diluluskan di negeri Pulau Pinang termasuklah sebuah projek pembesaran bagi pengeluaran besi dan keluli dan projek baru bagi pengeluaran fabrikasi wafer bagi keluaran LED.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan supaya para pelabur dari pelbagai bidang ini menempatkan projek mereka di Malaysia. Di antara langkah-langkah promosi yang telah dijalankan termasuk penganjuran Seminar Penggalakan Pelaburan Tempatan yang diadakan setiap tahun di kawasan wilayah utara, tengah, selatan dan pantai timur semenanjung serta di Sabah dan Sarawak. Bagi kawasan wilayah utara, Kerajaan telah menganjurkan Seminar Penggalakan Pelaburan Tempatan di negeri Pulau Pinang pada bulan Ogos 2006 dan Februari 2008 bagi menarik pelaburan ke negeri Pulau Pinang.

Seminar Kebangsaan bagi Industri Spesifik iaitu elektronik juga telah dianjurkan di negeri Pulau Pinang pada bulan Jun 2006 dan Jun 2008. Selain itu, sesi-sesi dialog juga telah diadakan pada bulan Disember 2009 dan April 2010 di antara pihak MITI/MIDA dengan beberapa syarikat MNC yang sedia wujud di negeri Pulau Pinang bagi menggalakkan syarikat-syarikat ini membuat

pelaburan semula (*reinvestments*).

Walau bagaimanapun, keputusan menempatkan sesebuah projek di mana-mana negeri di Malaysia adalah terpulang kepada para pelabur dan ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk kewujudan prasarana terbina seperti taman teknologi tinggi, taman perindustrian, zon perindustrian bebas serta kewujudan institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan, kemudahan utiliti, kemudahan rangkaian pengangkutan dan kewujudan klaster industri tempatan untuk menyokong kelancaran operasi projek dalam urusan pembekalan bahan mentah, komponen dan perkhidmatan oleh vendor tempatan.

Pejabat MIDA Negeri akan turut membantu pelabur setelah tapak lokasi dikenalpasti iaitu dalam berurusan dengan pelbagai pihak berkuasa tempatan termasuk agensi penggalakkan pelaburan negeri untuk memastikan sesebuah projek dapat dilaksanakan mengikut jadual tanpa sebarang masalah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN NO: 31

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SRI. Ir. MOHD ZIN BIN MOHAMED

TARIKH: 12 JULAI2010

SOALAN:

Y.B. Dato' Sri. Ir. Mohd Zin Bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah pihak Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk mengurangkan pekerja asing memandangkan jumlah mereka terlalu ramai pada masa ini.

PR-1232-L37988

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga pekerja asing secara berperingkat mengikut sektor. Pada masa ini terdapat seramai 1.8 juta pekerja asing di negara ini dalam sektor perladangan, perkilangan, pembuatan, pembinaan dan pembantu rumah.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing:

- i. Menubuhkan Lab Warga Asing untuk mencari mekanisme dan isu pengurusan pekerja asing termasuk pendatang tanpa izin (PATI);
- ii. Pembekuan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan kecuali dalam subsektor tukang masak, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort peranginan. Kelulusan pengajian pekerja asing bagi subsektor perkhidmatan

(restoran, dobi, tukang emas dan logam) telah diperketatkan dan kebenaran menggaji pekerja asing dalam subsektor perkhidmatan (kargo, tukang gunting, dan tekstil) dimansuhkan;

- iii. Membantu majikan mendapatkan tenaga keija tempatan menerusi portal *Jobsmalaysia*;
- iv. Menjalankan Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang dijalankan di setiap negeri dan daerah megikut keperluan;
- iv. Menggalakkan majikan untuk menggunakan kaedah kerja secara *Homeworking* dan kerja separa masa (*part time*) bagi kerja-kerja yang boleh dibuat di luar premis pekerjaan atau dibuat secara *part time* oleh *latent workforce* seperti surirumah, ibu tunggal, belia, OKU dan pesara bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing;
- v. Meminta majikan menaikkan gaji pekerja tempatan bagi sektor perkilangan;
- vi. Meningkatkan kos penggajian pekerja asing melalui mekanisme levi sebagai strategi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing oleh majikan dan pihak industri. Namun begitu dasar ini dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjelaskan operasi industri tersebut seterusnya ekonomi negara yang baru pulih daripada kesan kelembapan ekonomi global;
- vii. Menggalakkan industri beralih kepada industri berorientasikan modal melalui dana- dana bantuan modal Kerajaan, insentif cukai dan lain-lain yang secara langsung beralih kepada penggunaan teknologi bagi mengantikan tenaga buruh;
- viii. Menggalakkan lebih banyak perkhidmatan layan diri di sektor-sektor perkhidmatan diperkenalkan seperti restoran, stesen minyak, pasar mini dan lain-lain;
- ix. Penggunaan sistem (*Industrialised Building System*) IBS sehingga 70% dalam semua kontrak pembinaan untuk Kerajaan dan pihak swasta juga digalakkan mengambil langkah yang sama; dan
- x. Memerkemaskan semua prosedur dan proses pengambilan pekerja asing seperti pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*Frontliner*), tiada kebenaran baru bagi menjalankan pemialaan membekalkan dan mengurus Pekerja

Asing (*outsourcing*) dan pekerja asing dibenarkan bekerja di negara ini untuk tempoh maksimum 5 tahun sahaja bagi semua bagi semua sektor kecuali perladangan dan pembantu rumah.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berharap mekanisme yang dinyatakan di atas dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing demi meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia.

NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA]

PERTANYAAN

**LISA
N**

TARIKH

12.07.2010

SOALAN NO

32

Tuan Azan Bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung bagi tahun 2009 dan berapakah nilai cukai yang dapat dikutip selepas pelaksanaan GST serta langkah jangka panjang untuk mengurangkan beban kepada rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM106.50 bilion. Daripada jumlah ini, RM78.37 bilion adalah bagi cukai langsung dan RM28.13 bilion adalah bagi cukai tidak langsung. Memandangkan GST belum dilaksanakan, nilai cukai yang dapat dikutip selepas pelaksanaan GST tidak dapat ditentukan.

2. Sekiranya GST dilaksanakan, antara langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat adalah seperti berikut:

- i. mengenakan GST pada kadar yang tidak membebankan rakyat bagi menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada;
- ii. mengecualikan beberapa makanan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak, sayuran, ikan dan daging ternakan, telur dan kemudahan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan

pendidikan swasta, pengangkutan awam, tol lebuhraya, rumah kediaman dan tanah pertanian daripada dikenakan GST; dan

- iii. memperkenalkan undang-undang yang berkaitan di dalam menangani kemungkinan berlakunya kegiatan pengambilan keuntungan berlebihan (*profiteering*) yang boleh menjadikan harga barang dan perkhidmatan meningkat secara mendadak.

SOALAN NO : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [
TARIKH	BATANG SADONG]
SOALAN	12 JULAI 2010

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan pelan pelaksanaan Kementerian untuk memastikan agar semua klinik di kawasan luar bandar membekalkan kemudahan perubatan yang lengkap di setiap klinik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan amat menitikberatkan kualiti perkhidmatan kesihatan yang disampaikan kepada masyarakat. Selain terlibat di dalam pelan menambahkan prasarana kesihatan, kelengkapan kemudahan kesihatan juga tidak diabaikan.

Justeru, setiap tahun Kementerian Kesihatan akan mengkaji keperluan yang diperlukan bagi tujuan ini. Keperluan ini termasuklah pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan . Di samping itu juga, keperluan melaksanakan penyenggaraan pencegahan terancang (*Planned Preventive Maintenance*) dan Kawalan Kualiti bagi peralatan makmal patologi dan pengimejan di Klinik

Kesihatan juga turut dikemukakan. Pada akhir tahun 2009, terdapat sebanyak 156 buah mesin x ray, 538 buah mesin ultrasound, 592 buah mesin hematology analyser, 410 buah mesin urine analyser dan 196 mesin biochemistry analyser di klinik kesihatan. Dengan adanya peralatan perubatan yang mencukupi dan sesuai ianya dapat menghasilkan perkhidmatan perubatan yang cekap, berkesan dan berkualiti seterusnya dapat memenuhi keperluan kesihatan rakyat.

SOALAN NO:

34 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH 12 JULAI 2010

SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahun bila Skim Peruntukan Khas Perdana Menteri untuk kawasan-kawasan Parlimen dimulakan, dan sama ada skim ini di bahas dan di lulus di Dewan Rakyat terlebih dahulu.

JAWAPAN:

Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen diwujudkan sejak tahun 1975. Peruntukan Khas ini merupakan sebahagian daripada belanja mengurus di dalam Bajet Kerajaan yang dibentangkan di

SOALAN NO: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

Dewan Rakyat setiap tahun.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD

RAHMAN [TANJONG MANIS]

TARIKH 12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pemberian wang permulaan sebanyak RM1 juta sahaja bagi memelihara supaya tidak luput industri tenun songket corak negeri Sarawak yang kini hanya wujud di Rejang, Tanjong Manis, Sarawak.
JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian tidak mempunyai peruntukan untuk diberikan kepada industri tenun songket corak negeri Sarawak yang kini hanya wujud di Rejang, Tanjung Manis, Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa memberi bimbingan kepada semua bidang kraf yang hampir pupus termasuk tenun songket corak negeri Sarawak.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN <u>RAKYAT</u>	LISAN
DARIPADA	YB TUAN FONG KUILUN
	[BUKI
	12 JULAI 2010 (ISNIN)
	T B
	INTA
	NG]
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	NO. 36

SOALAN

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kedudukan kes usikan meter yang dilakukan oleh pengguna-pengguna seluruh negara yang telah membebankan mereka dengan caj terkurang yang perlu dibayar, dari segi bilangan kes, amaun terlibat, berjaya dikutip dan tindakan pendakwaan.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kes-kes usikan meter adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 37 (3), Akta Bekalan Elektrik 1990 di mana usikan meter ini dikenalpasti sebagai medium dalam mencuri bekalan elektrik. Ini merupakan salah satu daripada masalah yang menyebabkan kepada kehilangan hasil kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan ini secara tidak langsung menyebabkan Kerajaan juga kehilangan hasil dari pungutan cukai.

Sehubungan itu, bilangan kes berkaitan dari tahun 2007 hingga April 2010 (mengikut tahun kewangan TNB) adalah seperti berikut:-

Tahun Kewangan TNB	Bilangan Kes
2007	5,064
2008	7,362
2009	8,871
2010 (8 bulan pertama)	7,490

Anggaran amaun yang terlibat dan kutipan yang berjaya dilakukan berdasarkan kes-kes yang telah dikenalpasti pula adalah seperti berikut:-

Tahun Kewangan TNB	Anggaran Terkurang	Kutipan Semula (RM Juta)
2007	38	53.41
2008	54	43.7
2009	51	46.7
2010 (8 bulan pertama)	34.2	27.62

Nota:-

1 - Jumlah kutipan lebih tinggi pada TK 07 adalah kerana ianya termasuk hasil kutipan KKE bagi tahun-tahun sebelumnya.

2 - Jumlah terkurang caj merupakan anggaran awal tanpa eviden pengguna.

Bagi membolehkan pendakwaan dilakukan ke atas pengguna yang mengusik meter, Seksyen 37 dan 38 Akta Bekalan Elektrik 1990 membenarkan agar perkara ini dibawa ke Mahkamah untuk tindakan pendakwaan. Bilangan kes sivil yang telah diambil tindakan oleh TNB dan bilangan kes jenayah yang telah diambil tindakan oleh pihak kawal selia iaitu Suruhanjaya Tenaga adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan TNB	Bilangan kes di bawah kes Jenayah oleh Suruhanjaya	Bilangan kes di bawah kes sivil oleh KMSSMKS
2007	4	470
2008	2	1,104
2009	0	2,390
2010 (8 bulan pertama)	13	7,284

Namun begitu, bagi memastikan bahawa kes usikan meter adalah benar dan tidak menganiayai mana-mana pengguna, pihak TNB perlu melaporkan perkara tersebut ke pihak Suruhanjaya Tenaga selaku badan kawal selia bekalan elektrik negara untuk tujuan pengesahan, sebelum pengguna boleh didakwa. Ini adalah bagi memastikan pengguna dilindungi terlebih dahulu.

Antara tindakan pencegahan yang diambil adalah menggunakan teknologi pemantauan secara jarak jauh bagi Pengguna Kuasa Besar (kategori pengguna yang

menggunakan bekalan elektrik melebihi 100 Ampere), meningkatkan keupayaan *fraud scanning programs* mengadakan serbuan dan pemeriksaan bersama dengan Pihak Berkuasa (Polis dan Suruhanjaya Tenaga) dan mengalihkan pepasangan yang berisiko tinggi.

DARIPADA YB DATUK SERI PANGLIMA JOSEPHPAIRIN

KITINGAN

TARIKH 12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada ribuan warga asing yang berasal dari Indonesia dan Filipina yang bermastautin di negeri Sabah yang telah menjadi warganegara Malaysia berdasarkan pemilikan kad pengenalan Malaysia dianggap oleh Kerajaan Persekutuan sebagai Bumiputera dan layak menerima hak-hak yang dikhuluskan kepada Bumiputera negeri Sabah.

NO. SOALAN: 37

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian taraf kewarganegaraan kepada warga asing adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pemilikan kad pengenalan Malaysia tidak semestinya menunjukkan bahawa pemegang kad pengenalan tersebut merupakan seorang warganegara.

Terdapat beberapa jenis kad pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Terdapat kad pengenalan bagi warganegara Malaysia (kad pengenalan berwarna biru dan perkataan “WARGANEGARA” akan tercatat dalamnya), bagi pemastautin tetap (kad pengenalan berwarna merah dan perkataan “PEMASTAUTIN TETAP” akan tercatat dalamnya, bagi orang yang memasuki Malaysia dengan sah melalui pas imigresen atau permit sah dan dibenarkan menetap di Malaysia selama tempoh dua belas bulan ke atas atau seorang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan (kad pengenalan berwarna hijau dengan perkataan “PEMASTAUTIN SEMENTARA” dan bagi seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] (kad pengenalan yang

NO. SOALAN: 37

mempunyai suatu jalur atau apa-apa kod yang sesuai sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah).

Berhubung dengan persoalan sama ada warga asing yang tinggal di Sabah dan telah diberikan status warganegara boleh dianggap sebagai Bumiputera dan layak menerima hak-hak yang dikhususkan kepada Bumiputera Negeri Sabah, perkara ini adalah tertakluk kepada maksud perkataan ‘Bumiputera’ tersebut dan peruntukan mengenai hak-hak Bumiputera Negeri Sabah sebagaimana yang dinyatakan dalam undang- undang atau apa-apa ketetapan dasar yang telah diputuskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Untuk makluman, walaupun istilah ‘Bumiputera’ tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana perundangan lain, secara amnya Kerajaan merujuk istilah ‘Bumiputera’ sebagai warganegara Malaysia yang terdiri daripada 3 kategori yang antara lainnya adalah ‘orang asli’ dan orang ‘melayu’ seperti yang ditakrifkan dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, serta juga ‘anak negeri’ Sarawak dan Sabah seperti yang ditakrifkan dalam Subfasal (6)(b) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan takrif yang diperuntukkan dalam Subfasal (6)(jb) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, seseorang merupakan anak negeri bagi Negeri Sabah sekiranya dia memenuhi kriteria yang berikut:

- (a) seorang warganegara:

NO. SOALAN: 37

- (b) merupakan anak atau cucu kepada seseorang daripada suatu ras asli bagi Sabah; dan
- (c) telah lahir sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahirannya.

Oleh yang demikian, seseorang itu hanya akan dianggap sebagai Bumiputra bagi Negeri Sabah jika dia termasuk dalam takrif “anak negeri” yang dinyatakan dalam Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan iaitu jika orang itu terdiri seorang warganegara, terdiri daripada kumpulan ras asli Sabah dan telah dilahirkan di Sabah atau jika bapanya berdomisil di Sabah.

Mana-mana warga asing yang bermastautin di Sabah yang telah menjadi warganegara Malaysia bukanlah Bumiputra kerana mereka tidak memenuhi syarat “anak negeri” yang diperuntukkan dalam Subfasal 161A(6)(6) Perlembagaan Persekutuan, iaitu mestilah terdiri daripada kaum ras asli Sabah dan dilahirkan di Sabah atau mempunyai bapa yang berdomisil di Sabah semasa kelahirannya. Justeru, mereka tidak berhak mendapat hak-hakyang dikhususkan bagi Bumiputra Sabah.

NO. SOALAN: 37

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO:

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN PE LISAN
DARIPADA RT BI
DEWAN AN
RAKYAT YA
TARIKH AN
RUJUKAN DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR
JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]
12 JULAI 2010
2811**

SOALAN:

**Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah Ketua
Polis Negara tidak mahu memohon maaf kepada ibu dan
keluarga arwah Aminulrasyid yang meninggal dunia akibat**

terkena tembakan polis pada 26 April 2010 di Shah Alam.

JAWAPAN

SOALAN NO:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mewakili Ahli kasih kepada Yang Berhormat Bukit
Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

~~REMBAJA~~
~~AN~~
~~PERTANYAAN~~
BAGI JAWAB
LISAN
Tuan Yang Dipertua,
DEWAN
RAKYAT

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kertas siasatan berhubung kes kematian Aminulrashid Amzah telah pun diserahkan oleh pihak polis kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk perbicaraan di Mahkamah. Sehubungan dengan itu, isu permohonan maaf yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak relevan. Isu sama ada suspek telah melakukan kesalahan atau tidak adalah terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar bagi Ketua Polis Negara untuk mengambil sebarang tindakan sebelum kes tersebut diputuskan oleh Mahkamah.

SOALAN 39

PERTANYAAN : LISAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI**

[TENOM]

TARIKH : 12JULAI2010

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

apakah program dan kawasan pelancongan di Tenom yang telah didaftarkan di bawah Kementerian bagi tujuan promosi di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, produk-produk pelancongan yang popular di Tenom merupakan produk pelancongan yang dipromosikan di dalam dan luar negara seperti Taman Pertanian Sabah, Rumah Kebudayaan Murut dan Sungai Padas yang popular dengan aktiviti *white water rafting* serta produk tempatan kopi Tenom.

Penyertaan Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia di pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti *World Tourism Market* di London, *International Tourism Bureau* di Berlin,

Arab Tourism Market di Dubai dan pelaksanaan lawatan suaikenal media dijadikan sebagai platform untuk memasarkan produk-produk pelancongan di Sabah khususnya Tenom kepada para pelancong antarabangsa.

Selain itu, di peringkat domestik, produk pelancongan di kawasan Tenom turut dipromosikan melalui penyertaan dalam pameran-pameran seperti *MATTA Travel Fair*, *Malaysia Domestic Tourism Fair*, *Cuti-Cuti IMalaysia Travel Fair* dan Misi Jualan Domestik.

NO SOALAN : 40 PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

LISAN PERTANYAAN

YB DARIPADA DR. LO'

GHAZALI

**LO' BINTI MOHAMAD
(TITIWANGSA)**

12.07.2010

(ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapakah Kerajaan kurang memberi pengiktirafan kepada bekas-bekas tentera dari segi tanah tapak TARikh rumah, peiuang pekerjaan, lesen perniagaan, skim khas seperti tambang murah bas, kereta api dan kapal terbang serta juga pencen khas bagi semua bekas tentera yang telah berkhidmat semasa darurat bagi memerangi pengganas komunis sehingga tahun 1969 berbanding dengan pemain-pemain sukan yang banyak mendapat penghargaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha kerajaan untuk mengiktiraf Veteran ATM dibuat secara berterusan dengan melakukan penambahbaikan bagi membantu mereka menjalani kehidupan sebagai orang awam dengan sejahteranya. Pengiktirafan tidak hanya tertumpu kepada perkara-perkara berkaitan dengan tanah tapak rumah, peiuang pekerjaan, lesen perniagaan, skim khas tambang murah bagi bas, kereta api dan kapal terbang serta pencen khas sahaja. Antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan adalah mengiktiraf perkhidmatan Veteran ATM yang tidak berpencen bagi

mendapatkan kemudahan perubatan di hospital kerajaan secara percuma. Pengiktirafan kerajaan dalam hal-hal kesihatan ini adalah lebih utama bagi menjamin kesihatan serta kesejahteraan hidup mereka setelah tamat perkhidmatan.

Berkaitan dengan tanah, ia adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Persoalan mengenai permohonan dan pemberian tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Setiap permohonan veteran ATM untuk mendapatkan tanah adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi perkara berkaitan dengan peluang pekerjaan, kerajaan tiada bidang kuasa bagi memastikan veteran ATM diberi pekerjaan. Bagaimanapun Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) melalui Bahagian Bimbingan Kerjaya (BBK) ada menyediakan perkhidmatan penjodohan pekerjaan untuk veteran ATM. JHEV ATM akan memajukan tawaran pekerjaan daripada majikan kepada veteran yang berminat dan sentiasa memberi sokongan jika mereka layak untuk menjawat jawatan tersebut. Usaha ini dibuat untuk memberi ruang kepada veteran ATM bagi mendapatkan pekerjaan di sektor awam secara lantikan tetap sebagai kerjaya kedua mereka.

Mengenai lesen perniagaan pula, ia tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kementerian Pertahanan melalui JHEV ATM sentiasa memberi galakkan dan sokongan kepada veteran ATM untuk menceburi bidang perniagaan.

Bagi perkara berkaitan skim khas tambang murah, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) memberi keistimewaan potongan harga sebanyak 25 peratus kepada veteran ATM yang mempunyai Kad Bekas Tentera (KBT) tanpa mengambil kira umur persaraan. Bagi veteran ATM yang berumur 50 tahun dan ke atas pula, mereka boleh menikmati

potongan harga sebanyak 50 peratus. Syarikat bas Transnasional memberi potongan harga sebanyak 30 peratus kepada mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas manakala syarikat penerbangan MAS pula memberi diskaun tambang 50 peratus bagi penerbangan domestik kepada veteran ATM yang berumur 55 tahun dan ke atas.

Buat masa ini, Kementerian Pertahanan tidak ada cadangan untuk mewujudkan Pemberian Pencen Khas kepada mereka yang berkhidmat semasa era darurat bagi memerangi pengganas komunis sehingga tahun 1969.

Secara ringkasnya, sumbangan veteran ATM memang diakui dan diberi pengiktirafan sebagaimana yang telah dinyatakan. Kementerian Pertahanan dan JHEV sentiasa memberikan keistimewaan dan bantuan yang setimpalnya. Namun banyak lagi bantuan yang boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan syarikat-syarikat. Kementerian Pertahanan berharap agensi-agensi lain juga turut membela nasib veteran ATM dengan memudahkan segala permintaan dan permohonan yang tertakluk kepada kawalan dan kelulusan mereka dalam usaha menyempurnakan penghargaan sumbangan para veteran ATM.

SOALAN NO : 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA :	LISAN
	DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
TARIKH	[PENGERANG]
	12 JULAI 2010
SOALAN	

Datuk Azalina Binti Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan dan langkah yang diambil berhubung masalah doktor- doktor muda yang dilihat lebih cenderung memilih untuk berkhidmat di luar negara terutama negara jiran berbanding negara sendiri.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan doktor-doktor muda yang lebih cenderung memilih untuk berkhidmat di luar negara terutama negara jiran berbanding negara sendiri adalah merupakan pilihan kecil sebilangan individu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan menangani masalah kekurangan Pegawai Perubatan terutamanya dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran graduan dalam bidang perubatan. Hal ini telah menunjukkan perkembangan positif di mana terdapat peningkatan ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS dan IPT daripada luar negara. Sebagai contoh, dalam tahun 2006, jumlah graduan perubatan yang

berkhidmat dengan KKM adalah seramai 1,124 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada 3, 072 orang dalam tahun 2009. Jumlah pengeluaran graduan perubatan dijangka akan meningkat kepada 3,795 orang dalam tahun 2010.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik dan mengekal Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di KKM. Antaranya ialah dengan mengadakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik melalui pelaksanaan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 Mac 2010.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menambahbaik insentif dan elaun yang diterima oleh Pegawai Perubatan di KKM seperti peningkatan kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal daripada RM500 kepada RM750 mulai 1 Januari 2008 dan Bayaran Insentif Pakar di antara RM1,600 sehingga RM 3,100 (mengikut gred) bermula pada 1 Januari 2009. Di samping itu, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang melaksanakan Prosedur/Pembedahan Elektif pada hari Sabtu akan dibayar RM200 sejam bagi Pegawai Perubatan Pakar dan RM80 sejam bagi Pegawai Perubatan.

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATUK CHUA SOON BUI**

(TAWAU)

TARIKH **12.07.2010**

SOALAN:

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan

(a) berapakah bilangan sekolah SJK (C) di antara jumlah 83 buah

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

sekolah di Sabah akan bermanfaat daripada bayaran bil-bil elektrik dan air secara subsidi penuh; dan

- (b) apakah rancangan untuk membekalkan komputer laptop sebagai bantuan pengajaran bagi guru-guru SJK (C) di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan ada memberikan peruntukan

untuk membayar bil utiliti termasuk bayaran bil air dan elektrik bagi semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan termasuk SJKC. Bagi SJKC di dalam kategori Sekolah Kerajaan, peruntukan diberi di bawah belanja mengurus dan Bantuan Perkapita. Manakala, bagi SJKC dari kategori Sekolah Bantuan Kerajaan diberi secara Bantuan Per Kapita. Peruntukan bagi pembayaran utiliti di bawah belanja mengurus disalurkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri. Kerajaan juga telah mengumumkan di dalam RMK10 pembiayaan bantuan bil elektrik dan air sehingga 2 ribu ringgit sebulan bagi setiap sekolah bantuan modal.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komputer laptop telah banyak dibekalkan ke sekolah-sekolah ketika pelaksanaan program PPSMI untuk kegunaan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Pembekalan laptop ini dibekalkan secara berfasa dari tahun 2003 hingga tahun 2008. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), sebanyak 12,630 buah laptop telah dibekalkan kepada 727 buah sekolah. Di Sabah sahaja, sebanyak

679 buah komputer laptop telah dibekalkan kepada guru-guru di 51 buah SJKC. Pembekalan laptop kepada guru-guru pada ketika itu dapat dilaksanakan memandangkan keadaan kewangan yang mengizinkan. Walau bagaimanapun, sehingga kini guru-guru masih lagi menggunakan laptop tersebut.

SOALAN NO: 43

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PADA PERTANYAAN

DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL

TARIKH

RAHMAN(PASIR SALAK)

SOALAN

12 JULAI 2010 (ISNIN)

DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN (PASIR SALAK) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

ASAS TANI menyatakan:

berhubung dengan pelaksanaan projek naik taraf pengairan kawasan padi Sungai Manik yang masih belum siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek naik taraf pengairan kawasan padi Sungai Manik dilaksanakan dalam 5 pakej dengan kos sebanyak RM68,346,641.70. Setakat ini, 2 pakej telah disiapkan dan kerja-kerja bagi 3 pakej lagi masih berjalan dan dijangka akan disiapkan sebelum akhir tahun 2010.

Kos bagi 2 pakej yang telah disiapkan berjumlah RM12,274,087.30 manakala kos bagi 3 lagi pakej yang kerja-kerjanya masih berjalan berjumlah sebanyak RM56,072,554.40.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM

[ARAU]

TARIKH

12 JULAI 2010

SOALAN

44

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah perkembangan terbaru satelit RazakSat yang dilancarkan tahun lalu dan apakah keberkesanan sistem pengimejan yang digunakan satelit tersebut serta faedah ekonomi daripada pelancarannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

RazakSAT® yang dibangunkan oleh Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB®) telah berjaya dilancarkan ke orbit hampir Khatulistiwa atau *Near Equatorial Orbit* (NEqO) pada 14 Julai 2009. Ia merupakan satelit pertama

di dunia yang dilancarkan ke orbit ini bertujuan memaksimumkan peluang pengimejan harian Malaysia dan negara-negara berhampiran Khatulistiwa.

Kini, Satelit RazakSAT® meneruskan misi saintifiknya untuk membolehkan penyelidikan yang lebih teliti terhadap pengoperasian komponen satelit di orbit hampir Khatulistiwa terutamanya dari segi keupayaan dan kelasakannya berfungsi di orbit ini.

Imej-imej yang telah diperoleh dari satelit RazakSAT® sedang diproses sepenuhnya dengan kerjasama antara pihak ANGKASA, Remote Sensing Malaysia dan ATSB® bagi tujuan penyelidikan dan diguna pakai oleh agensi penyelidikan dan agensi kerajaan di Malaysia.

Suatu kerjasama dengan *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA) dalam penyelidikan dan perkongsian maklumat satelit RazakSAT® di orbit hampir Khatulistiwa sedang juga dijalankan. Maklumat ini adalah penting kerana data-data berkaitan keadaan alam sekitar di orbit hampir Khatulistiwa masih lagi tidak komprehensif.

UNOOSA juga telah memohon Malaysia mengetuai kumpulan penyelidikan orbit hampir khatulistiwa. Beberapa negara yang berada di kawasan khatulistiwa dari Afrika (seperti Nigeria) dan Amerika Selatan turut menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Malaysia di dalam penerokaan dan penggunaan orbit hampir Khatulistiwa. Berikut adalah faedah-faedah ekonomi daripada penggunaan imej-imej RazakSAT®:

- i. Penggunaan imej-imej satelit oleh agensi-agensi Kerajaan sebelum ini diperolehi daripada satelit luar negara. Melalui penggunaan imej daripada satelit RazakSAT®, jangka masa untuk memperolehi imej Malaysia adalah lebih cepat kerana kedudukan satelit RazakSAT® yang melalui Malaysia 14 kali sehari disamping satelit tersebut dikawal sendiri melalui stesen bumi yang terletak di Pusat Angkasa Negara, Selangor. Penggunaan pengimejan satelit RazakSAT® oleh agensi-agensi kerajaan menjadikan ia lebih kompetitif dan ini mengurangkan aliran tunai keluar negara bagi tujuan pembelian imej satelit.
- ii. Pembangunan RazakSAT® meningkatkan keupayaan Malaysia untuk membangunkan satelit dan subsistem-subsistem berkaitan. Bermula dengan 10 orang jurutera yang dihantar ke *Surrey Satellite Technology Ltd*, UK pada akhir tahun 90an bagi program pembangunan teknologi satelit mikro pertama negara (TiungSAT-1), Malaysia kini mempunyai hampir 100 jurutera dan saintis pakar di dalam bidang pembangunan satelit, yang mampu bersaing dalam industri dan pasaran antarabangsa yang amat kompetitif.
- iii. Pembangunan teknologi dari satelit RazakSAT® mempunyai potensi pengkomersilan dan ATSB® telah menerima beberapa permohonan kertas cadangan untuk program pembangunan teknologi angkasa, termasuk daripada Brunei, Mesir, Iraq dan Pakistan.

Program pembangunan satelit RazakSAT® turut menjana peluang ekonomi dan meransang penglibatan industri pembuatan dan kejuruteraan tempatan dalam teknologi aeroangkasa. Komponen-komponen satelit RazakSAT® yang memerlukan ketepatan dan kejituhan dari segi kualiti telah berjaya dihasilkan dengan kerjasama industri tempatan bersaiz kecil dan sederhana. Ini membolehkan industri tersebut mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa dalam bidang aeroangkasa.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB LIM LIP ENG

TARIKH 12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah perintah yang dikeluarkan oleh Sultan atau Yang di- Pertuan Agong mempunyai kesan dan berkuat kuasa tanpa perlu diwartakan terlebih dahulu. Sekiranya betul, apakah akta, kanun atau undang-undang yang dibenarkan.

SOALAN NO: 45

JAWAPAN PEMBERITAHUAN SERTAIAN YANG MENGANDUNG RABUJATIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perintah yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) di bawah undang-undang yang perintah itu diperbuat sememangnya mempunyai kesan dan berkuat kuasa. Sekiranya perintah yang dikeluarkan oleh YDPA itu tidak diwartakan, tidak bermakna bahawa perintah itu tidak mempunyai apa-apa kesan dan tidak berkuat kuasa. Namun demikian, perintah yang dikeluarkan oleh YDPA akan diwartakan untuk makluman umum dan disebabkan oleh sifat (*nature*) perintah itu sendiri.

2. Sebagai contoh, pelantikan Hakim Mahkamah Sesyen di bawah subseksyen 59(3) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] memperuntukkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen dilantik oleh YDPA atas syor Hakim Besar. Meskipun tiada kehendak di bawah subseksyen 59(3) Akta 92 untuk mewartakan pelantikan yang dibuat oleh YDPA ini, namun pelantikan tetap diwartakan untuk makluman umum. Perkara yang sama turut terpakai kepada pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan, Rayuan dan Tinggi, di bawah Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, yang dilantik oleh YDPA, atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Pelantikan ini tetap diwartakan meskipun tiada kehendak di bawah

Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan untuk diwartakan.

3. Dalam konteks Negeri pula, sekiranya perintah yang dikeluarkan oleh Sultan tidak diwartakan, tidak bermakna bahawa perintah itu tidak mempunyai apa-apa kesan dan tidak berkuat kuasa. Sebagai contoh, Sultan yang bertindak sebagai ketua agama Islam di negerinya boleh mengeluarkan perintah untuk menjaga kesucian agama Islam dan institusinya. Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan perintah atau arahan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
4. Keputusan untuk mewartakan apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh Sultan di peringkat negeri adalah tertakluk kepada penilaian Kerajaan Negeri tersebut sama ada perintah tersebut perlu diwartakan atau sebaliknya.

Sekian, terima kasih.

NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [
 LEMBAH PANTAI]
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 12.07.2010**

46 SOALAN NO

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) berapakah kos pengurusan 1 Malaysia Development Berhad. Sila senaraikan projek-projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, termasuk sama ada projek-projek ini diberikan atas dasar tender terbuka atau tertutup; dan
- (b) atas dasar ketelusan, bilakah 1MDB akan membentangkan laporan tahunannya ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos pengurusan 1MDB hanya dapat ditentukan setelah akaun tahunan syarikat selesai diaudit oleh juruaudit luar buat pertama kalinya. Laporan tahunan kewangan 1MDB yang telah diaudit akan difailkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Oleh itu, apa-apa maklumat kewangan

1MDB termasuk kos pengurusan boleh diperolehi melalui SSM apabila laporan penyata kewangan tahunan difailkan kelak.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini 1MDB masih belum membuat apa-apa tawaran sama ada secara tender terbuka atau tertutup kepada mana-mana pihak bagi melaksana projek yang di dalam perancangan.

3. 1MDB adalah syarikat korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bukan merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah akta tubuh sendiri. Tidak seperti mana-mana Badan Berkanun yang tertakluk kepada peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun Dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] yang memerlukan pembentangan Laporan Tahunan di Parlimen, 1MDB hanya perlu memfailkan Laporan Tahunan kepada SSM sahaja.

4. 1MDB juga mengamalkan pengurusan tadbir korporat (“corporate governance”) yang baik mengikut piawaian global di mana pihak pengurusan kanan 1MDB bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah yang mewakili kepentingan pemegang saham. Seterusnya, Lembaga Pengarah pula bertanggungjawab melaporkan perkembangan syarikat

kepada Lembaga Penasihat 1MDB.

NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

NO. AUM : 42

DARIPADA

NO. AUP : 45f

TARIKH

LISAN

RUJUKAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]**

12 JULAI 2010

2813

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tempat secara spesifik tahanan yang ditahan di bawah *Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act (DDA) 1985* ditahan seiain daripada Simpang Renggam.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan tempat tahanan yang digunakan untuk menahan tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah Pusat Pemulihan Akhlak yang terletak di bawah Pengurusan Jabatan Penjara Malaysia. Selain dari Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Rengam terdapat tiga lagi Pusat Pemulihan Akhlak lain yang digunakan bagi maksud tersebut iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Muar Johor, Batu Gajah Perak dan Machang Kelantan.

Statistik pada 24 Mei 2010 menunjukkan terdapat seramai 1,518 tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) ditahan di Pusat-Pusat Pemulihan Akhlak berkenaan.

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (DAP)

(PUCHONG)

TARIKH 12 JULAI 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Gobind Singh Deo (DAP) (Puchong), minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah sindiket peminta sedekah yang melibatkan kanak-kanak serta keberkesanannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan pelbagai tindakan untuk mengatasi masalah sindiket peminta sedekah yang melibatkan kanak-kanak. Antara tindakan yang dilaksanakan JKM termasuklah:

- i) Mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Membanteras Pengemis yang berperanan untuk menyelaras operasi dan membincangkan pelbagai isu berkaitan aktiviti pengemisan dengan lebih teratur dan berkesan. Jawatankuasa ini terdiri dari agensi penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan dan sebagainya; dan

NO SOALAN: \$5 4f

- ii) Mengadakan operasi menyelamat pengemis secara berkala dan operasi secara, dengan izin, *adhoc* berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183). Operasi berkala dilakukan secara berjadual dan bersepadu dengan kerjasama Agensi-agensi Penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen, Polis Di Raja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pendaftaran Negara.

Operasi secara, dengan izin, *adhoc* pula dilakukan apabila terdapat aduan awam seperti melalui talian Nur (15999) atau pun melalui pemantauan berterusan yang dilakukan oleh kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di lokasi-lokasi yang disyaki atau dikenal pasti menjadi tumpuan pengemis seperti di pasar-pasar malam, stesyen-stesyen bas dan tempat-tempat yang menjadi tumpuan atau kunjungan orang ramai.

Dari segi perundangan, Kementerian sedang menyemak dan mengkaji semula Akta Orang Papa 1977 (Akta 183) bagi memastikan peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut lebih komprehensif terutama dalam mengatasi isu-isu berkaitan pengemisan termasuklah yang melibatkan kanak-kanak dalam sindiket. Bagi mempastikan sindiket pengemisan yang melibatkan kanak-kanak dapat dibendung, Kementerian melalui JKM menggunakan peruntukan di bawah Seksyen 32, Akta Kanak-kanak 2001. Peruntukan tersebut memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan membenarkan kanak-kanak meminta sedekah dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi Ringgit Malaysia: Lima Ribu (RM5,000) atau dipenjarakan selama

tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua- duanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN

OTHMAN

[PENDANG]

TARIKH : 12 JULAI 2010

SOALAN :

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan SPRM dalam mengawal peraturan pilihan raya agar ia diikuti oleh semua parti politik yang masuk bertanding di dalam pilihan raya tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanyalah menjalankan siasatan berkaitan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).

Sekian.Terima kasih.

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARI PADA YB DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADEN
PERTANYAAN : LISAN
(KINABATANGAN)**

TARIKH 12 JULAI 2010

SOALAN

YB DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADEN (KINABATANGAN)
meminta PERDANA MENTERI menyatakan tentang bilangan senarai
terperinci serta kekerapan Ahli Dewan Rakyat termasuk di kalangan
Ahli Dewan Rakyat Pembangkang yang telah dihantar dan pergi ke
luar Negara bagi tujuan menghadiri mesyuarat atau konvensyen dan
lain-lain tujuan.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

NO. SOALAN: 50

Tuan Yang Dipertua,

Untuk kemudahan Yang Berhormat, berikut disertakan senarai terperinci semua ahli Dewan Rakyat yang telah dihantar dan pergi ke luar Negara bagi tujuan menghadiri mesyuarat atau konvensyen dan lain-lain tujuan.

Sekian. Terima kasih.

KEKERAPAN AHLI DEWAN RAKYAT KELUAR NEGARA - 2008 - 2010

NO.	NAMAAHLI PARLIMEN	PARTI	KEKERAPAN		
			2008	2009	2010
1.	YB. Nasharudin Mat Isa	PAS	2	1	1
2.	YB. Mohd Nasir Zakaria	PAS	1		
3.	YB. Hajah Nancy Shukry	BN	1	4	1
4.	YB. Dato' Shamsul Anuar Nasarah	BN	1		
5.	YB. Datuk Raime Unggi	BN	1	2	
6.	YB. Datuk Abdul Rahman Dahalan	BN	1	2	2
7.	YB. Tuan Hj. Ir. Hamim Samuri	BN	1	1	1
8.	YB. Datuk Dr. Tekhee@ Tiki Lafe	BN	1	1	
9.	YB. Dato' Ismail Kassim	BN	1	2	
10.	YB. Dr. Tan Seng Giaw	DAP	1	2	1
11.	YB. Dato' Mukhriz Mahathir	BN	1		
12.	YB. Tan An Eng	BN	1	2	
13.	YB. Datuk Rosnah Shirlin	BN	1		
14.	YB. Fuziah Salleh	PKR		2	
15.	YB. Tuan Liang Teck Meng	BN	1	2	
16.	YB. Datuk Dr. Marcus Mojigoh	BN	1	1	
17.	YB. Datuk Billy Abit Joo	BN	1	3	
18.	YB. Datuk Haji Ahmad Maslan	BN	1		
19.	YB. Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri	BN		1	1
20.	YB. Datuk Chua Soon Bui	Bebas	1	1	
21.	YB. Chong Eng	DAP	1	1	
22.	YB. Datuk Wira Ahmad Hamzah	BN		2	
23.	YB. Dato' Tajuddin Abdul Rahman	BN	1		1
24.	YB. Datuk Halimah Mohd. Sadique	BN		1	
25.	YB. Datuk Richard Riot	BN	1	1	
26.	YB. Liew Chin Tong	DAP	1		
27.	YB. Dato' Mahfuz Omar	PAS	1		
28.	YB. Lee Chee Leong	BN	1		
29.	YB. Dato' Dr. James Dawos Mamit	BN	1	1	
30.	YB. Edmund Chong Ket Wah	BN	1		
31.	YB. Datuk Johari Abdul	PKR	1		
32.	YB. Hasbi Habibollah	BN		1	
33.	YB. Masir anak Kujat	BN	1	1	
34.	YB. Datuk Yusof Mahal	BN	1	2	
35.	YB. Sim Tong Hin	DAP	1		
36.	YB. Dr. Hajah Siti Mariah Mahmud	PAS	1	1	
37.	YB. Mohd Yusmadi Mohd Yusoff	PKR	1		
38.	YB. Alexander Nanta Linggi	BN	1		
39.	YB. Hj. Mohd Nor Othman	BN	1		
40.	YB. Ahmad Lai Bujang	BN		1	
41.	YB. Matulidi Jusoh	BN		1	
42.	YB. Dr. Mujahid Yusof Rawa	PAS		2	

43.	YB. Dr. Mohd Puad Zakarshi	BN		1	
44.	YB. Dato' Seri Tiong King Sing	BN		1	
45.	YB. Saifuddin Nasution bin Ismail	PKR		1	
46.	YB. Fong Kui Lun	DAP		1	
47.	YB. Dato' Dr. Shahrum Osman	BN		1	
48.	YB. Tuan Salleh Kalbi	BN		1	
49.	YB. Aaron Ago Dagang	BN		1	
50.	YB. Dat-o' Hj. Ab Halim bin Ab Rahman	PAS		1	
51.	YB. Teo Nie Ching	DAP		1	
52.	YB. Datuk Kamaruddin Jaafar	PAS		1	
53.	YB. Datuk Juslie Ajirol	BN		1	
54.	YB. Datuk Nur Jazlan Mohamed	BN		1	
55.	YB. Datuk Bung Mokhtar Raden	BN		1	
56.	YB. Dato' Ibrahim Ali	BEBAS		1	
57.	YB. Haji Ahmad bin Kassim	PKR		1	
58.	YB. Datuk Md. Sirat Abu	BN		1	1
59.	YB. Dr. Che Rosli Che Mat	PAS		1	
60.	YB. Datuk Abd. Rahman Bakri	BN			
61.	YB. Datuk Noraini Ahmad	BN			
62.	YB. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong	BN		1	
63.	YB. Tuan Zulkifli Noordin	BEBAS		1	1
64.	YB. Wee Chee Keong	BEBAS		1	1
65.	YB. Dr. Hiew King Cheu	DAP		1	
66.	YB. John Fernandez	DAP		1	
67.	YB. Dr. Haji Hayati Othman	PAS		1	
68.	YB. Dato' Sri Mohd Zin Mohamed	BN		1	
69.	YB. William @ Nyallau Anak Badak	BN		1	
70.	YB. Abdullah Sani Abdul Hamid	PKR		1	
71.	YB. Gobalakrishnan	PKR			1
72.	YB. Dato' Zahrain Mohamed Hashim	BEBAS			2
73.	YB. Chua Tee Yong	BN			1
74.	YB. Azan Ismail	PKR			1
75.	YB. Manogaran Marimuthu	DAP			1

NO. SOALAN 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAPAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN NGA KOR MING
TARIKH [TAIPEI] 12 JULAI 2010
(ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPEI] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah dan rancangan Kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan serta kekayaan (*Gini Coefficient Index*) di kalangan masyarakat tempatan memandangkan kajian Bangsa-bangsa Bersatu pernah menunjukkan Malaysia antara negara yang mempunyai jurang perbezaan yang tertinggi di rantau Asia Tenggara.

JAWAPAN:

Sememangnya diakui walaupun negara telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan dengan ketara iaitu daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 3.8 peratus pada tahun 2009, jurang agihan kekayaan dan pendapatan agak tinggi berbanding dengan negara-negara maju dan negara-negara ahli *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD). Sungguhpun begitu, ketidakseimbangan

keseluruhan bertambah baik seperti ditunjukkan

NO. SOALAN 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN **DEWAN RAKYAT**

dengan pengurangan pekali Gini daripada 0.462 pada tahun 2004 kepada **PERTANYAAN** 2009. Jurang pendapatan di antara kumpulan etnik juga bertambah baik dengan pengurangan nisbah ketaksamaan pendapatan antara kaum Bumiputera dengan kaum Cina daripada 1:1.64 pada tahun 2004 kepada 1:1.38 pada tahun 2009; kaum Bumiputera dengan kaum India daripada 1:1.27 kepada 1:1.10 dan kaum India dengan kaum Cina daripada 1:1.28 kepada 1:1.25 dalam tempoh yang sama. Walaupun terdapat pengurangan, namun secara umumnya jurang pendapatan antara kaum masih lagi tinggi dan perlu diberi perhatian.

Pelbagai langkah akan terus dilaksanakan dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan dan jurang pendapatan di kalangan rakyat Malaysia. Langkah tersebut termasuklah tumpuan yang lebih besar kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah yang merangkumi pelaksanaan program pendidikan dan latihan kemahiran bagi meningkatkan kapasiti dan *employability*, peningkatan akses kepada kemudahan pembiayaan termasuk dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir ke sekolah; dan peningkatan kualiti pendidikan murid. Selain daripada itu, program penjanaan pendapatan seperti program membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan, pembinaan gerai niaga dan program-program ekonomi yang lain turut dilaksanakan. Kerajaan juga akan terus melaksanakan program bantuan rumah; peruntukan saham amanah; dan peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar bagi meningkatkan kualiti hidup.

HOiSX-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	JAWAB LISAN
TARIKH	DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
SOALAN	12 JULAI 2010 (ISNIN)
	N0.52

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah ada usaha-usaha lain yang dikemukakan selain daripada mengisyiharkan sesebuah universiti mencapai status Universiti Apex bagi memastikan kedudukan universiti-universiti tempatan mempunyai kualiti dan daya saing yang setimpal dengan universiti-universiti terbaik dunia.

JAWAPAN Tuan

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) memberikan penekanan terhadap pembangunan modal insan kelas pertama bagi mendukung dan menjayakan hasrat negara untuk mencapai sebuah negara maju, makmur dan kompetitif. Di bawah Pelan Tindakan PSPTN, salah satu projek agenda kritikal bagi memperkasakan pengajian tinggi di persada dunia ialah dengan melaksanakan Program APEX atau *Accelerated Program For Excellence*. Program APEX

diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Malaysia supaya setanding dengan universiti terkemuka dunia.

Selain Program APEX, terdapat 21 projek agenda kritikal lain yang sebahagiannya adalah secara langsung bertujuan untuk memperkasakan universiti tempatan, khususnya IPTA untuk bersaing dipersada antarabangsa. Projek agenda kritikal tersebut, antaranya ialah:

- i. My Brain 15 - untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 60 ribu penyelidik dan pensyarah yang berkelayakan PhD menjelang tahun 2023. Ini akan menjadi pemacu dan platform untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing dalam bidang pendidikan tinggi dan ekonomi berdasarkan inovasi pada masa yang akan datang;
- ii. Pengajaran dan Pembelajaran - untuk memastikan kurikulum yang ada di IPTA sentiasa dinamik dan relevan dengan keperluan pasaran semasa, termasuk untuk melahirkan graduan yang kreatif dan inovatif;
- iii. Pembangunan Sahsiah Pelajar - untuk melahirkan pelajar yang holistik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek;
- iv. Modal Pembangunan Modal Insan - antara matlamat HCDF adalah untuk menyediakan kemudahan kewangan untuk calon- calon terbaik melanjutkan pengajian diperingkat Sarjana dan PhD untuk dan menjadi pensyarah di IPTA;

Akademia - yang memberi fokus untuk menjadikan tenaga akademik di IPTA lebih berkualiti dan berdaya saing; **Pengantarabangsaan** - untuk meletakkan sektor pendidikan tinggi negara dipersada antarabangsa dan menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi serantau. Dengan yang demikian, usaha digembeleng untuk menarik ahli akademik terbaik untuk berkhidmat di IPTA serta menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia; **Penyelidikan dan pembangunan** - untuk menjadikan IPT sebagai pusat penyelidikan bertaraf dunia. Bagi mencapai hasrat tersebut usaha yang berterusan telah dan sedang diambil untuk meningkatkan kualiti penyelidik / pensyarah, kualiti penyelidikan dan kualiti infrastruktur penyelidikan seperti makmal dan peralatan penyelidikan;

Governan - untuk memperkemaskan sistem tadbir urus IPTA dan seterusnya melaksanakan autonomi di IPTA yang dijangka akan dapat melonjakkan kualiti dan prestasi pencapaian IPTA;

Industri - **Akademia** - untuk menyubur, mempertingkat dan memperteguhkan hubungan antara pihak industri dan universiti tempatan. Melalui pendekatan ini diharapkan pihak industri dan universiti boleh secara bersama-sama untuk meningkatkan kualiti kurikulum, kualiti tenaga pengajar, kualiti graduan yang dihasilkan dan mereka juga terlibat secara bersama dalam aktiviti penyelidikan di IPTA; dan

Kebolehpasaran graduan - merupakan salah satu indikator penting dalam penentuan ranking universiti diperingkat antarabangsa. Dengan yang demikian, KPT telah dan sedang berusaha untuk meningkatkan

peratusan graduan yang mendapat pekerjaan setelah mereka menamatkan pengajian. Beberapa program telah dilaksanakan dibawah critical agenda project ini bagi memastikan graduan yang dihasilkan dapat memenuhi akspektasi yang diperlukan oleh bakal majikan masing-masing.

DARIPADA **YB. TUAN WEE CHOO KEONG**
 (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **12.07.2010**

SOALAN NO **53**

YB. Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklumkan kenapa telah menjadi satu trend bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengambil masa lebih daripada satu bulan untuk memulangkan lebihan bayaran kepada pembayar cukai sedangkan mereka sepatutnya membayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan pulangan pembayaran dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Piagam Pelanggan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menetapkan pemprosesan kes bayaran balik akan mengambil masa 30 hari waktu bekerja sekiranya permohonan di buat secara dalam talian iaitu e-filing dengan mengambil kira maklumat yang diberikan adalah lengkap dan betul.

Bagi permohonan yang dikemukakan menerusi serahan tangan atau pos (manual) pemprosesan mengambil masa 90 hari waktu bekerja dengan mengambil kira maklumat yang diberikan adalah lengkap dan betul.

Faktor yang menyebabkan kelewatan di dalam proses bayaran balik adalah seperti berikut:

Maklumat tidak lengkap. Maklumat yang dikemukakan oleh pembayar cukai di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tidak lengkap, contohnya senarai lengkap dividen yang diterima dalam tempoh asas tidak dilampirkan bersama.

Tuntutan vanq meraukan. Sekiranya terdapat tuntutan bayaran balik yang meragukan, pihak LHDNM yang mengendalikan fail cukai perlu mengadakan audit semula terhadap pihak yang terbabit.

Kesilapan taksiran cukai. Jika berlakunya kesilapan taksiran cukai, pihak LHDNM perlu melakukan semakan semula fail secara terperinci bagi memastikan tiada kesilapan dalam taksiran cukai yang dikemukakan.

Tuntutan lebih bavarau. Terdapat segelintir pembayar cukai yang mengemukakan taksiran bayaran balik di dalam BNCP walaupun pada hakikatnya tiada sebarang lebihan bayaran di dalam lejar pembayar cukai. Oleh yang demikian, LHDNM perlu melakukan penyemakan semula bagi tujuan pengesahan.

Kelewatan mengemukakan BNCP. BNCP yang dikemukakan lewat dari tarikh yang ditetapkan akan menyukarkan pihak LHDNM membuat semakan semula rekod taksiran tahun-tahun sebelumnya berserta penalti yang dikenakan.

v. **BNCP dikemukakan pada tarikh akhir.** Pengemukaan borang pada tarikh iaitu setiap 30 April atau 30 Jun adalah banyak, oleh yang demikian, berlaku sedikit kelewatan dalam memproses BNCP sekali gus ia akan menjasaskan tempoh penyelesaian kes sehingga melepassi 30 hari atau 90 hari.

3. Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 70.99% daripada kes bayaran balik yang dikemukakan menerusi kaedah e-filing dapat diselesaikan dalam tempoh 30 hari manakala 24.06% kes bayaran balik secara manual diselesaikan dalam tempoh 90 hari.

NO.SOALAN:54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] 12 JULAI

DARIPADA 2010

TARIKH

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA

MENTERI

menyatakan senarai pelajar yang mendapat basiswa JPA untuk

**Program Luar Negara untuk tahun 2010 mengikut pecahan
kaum, jurusan yang diambil serta pecahan negara yang menjadi
pilihan.**

NO.SOALAN:54

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, terdapat seramai 1,500 pelajar telah ditawarkan biasiswa tajaan JPA bagi mengikuti pengajian di luar negara iaitu 843 (55%) pelajar Bumiputera dan 657 (45%) pelajar bukan Bumiputera. Pelajar-pelajar ini akan dihantar untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang Kritikal, Profesional, Strategik dan Keutamaan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pelajar-pelajar yang terpilih ini perlu menjalani program persediaan di dalam negara sebelum mereka ditempatkan di universiti luar negara bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama. Pelajar-pelajar akan melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di negara seperti United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, Rusia, Jerman, Perancis, Republik Czech, Poland, Mesir, Jordan, India

NO.SOALAN:54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

dan Indonesia.

Terima kasih.

NO.SOALAN:54